

11/05/2001

Ahli Umno buat tuduhan palsu wajar kena tindakan disiplin

KUALA LUMPUR, Khamis - Tindakan disiplin perlu dilaksanakan terhadap ahli Umno yang sengaja melemparkan tuduhan palsu bagi mengelakkan budaya menganiaya dalam parti daripada terus berleluasa.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata tindakan disiplin adalah mesej paling jelas bagi memaklumkan kepada ahli parti di semua peringkat.

"Tindakan itu perlu kerana yang paling penting mesej yang mahu disampaikan kepada ahli jelas terutama dalam proses pemilihan peringkat akar umbi," katanya ketika dihubungi di sini, petang ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam yang berkata, parti akan mengambil tindakan terhadap mana-mana ahli yang terbukti melemparkan tuduhan palsu mengenai politik wang kepada Lembaga Disiplin.

Abdullah dilaporkan berkata, pendirian sama juga ditegaskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini supaya ahli Umno yang membuat tuduhan politik wang diambil tindakan jika didapati dakwaan berkenaan tidak berasas.

Katanya, Lembaga Disiplin bukan tempat meluahkan pelbagai tuduhan tanpa bukti.

Hishammuddin berkata, semua tuduhan terhadap mangsa secara sewenang-wenang sebenarnya berpunca dari kepentingan peribadi yang memperjuangkan amalan politik sempit.

(END)